

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 841-848

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.562>

GAGASAN PENDIDIKAN AMINUDDIN BAKI DALAM PERJUANGAN GPMS

¹Norzaliza Bt Ghazali

²Fatinah Bt Zainon

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif

Universiti Utara Malaysia

Abstrak: Aminuddin Baki merupakan seorang tokoh akademik yang sering memperjuangkan agenda pendidikan sepanjang hayatnya. Dalam hal ini, beliau telah menubuhkan persatuan NGO seperti Gabungan Pelajar Mahasiswa Semenanjung (GPMS) untuk meneruskan kelangsungan perjuangannya kepada generasi muda. GPMS ditubuhkan untuk menyatupadukan pelajar-pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan menyedarkan mereka tentang kemunduran orang Melayu khususnya dalam bidang pendidikan. Selain itu, sebagai seorang pejuang budaya dan bangsa, Aminuddin juga sentiasa merancang strategi untuk menjamin kedudukan Bahasa Melayu diletakkan ditempatnya yang hakiki dalam sistem pendidikan kebangsaan iaitu sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan biografi yang mengkaji pemikiran tokoh. Data dikumpulkan menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan pembentukan tema-tema. Kertas kerja ini akan menghuraikan gagasan pemikiran pendidikan Aminuddin Baki yang menjadi aspirasi perjuangan Gabungan Pelajar Mahasiswa Semenanjung (GPMS). Idealismenya masih hidup dan sedang dipraktikkan sehingga kini.

KATA KUNCI: Pendidikan, Bahasa Melayu, GPMS, Aminuddin Baki

PENGENALAN

Aminuddin Baki adalah seorang insan yang cukup sinonim dalam kalangan pendidik di Malaysia. Beliau meninggal dunia lebih 40 tahun lamanya tetapi jiwa pendidik yang dimiliki oleh Aminuddin Baki dikatakan telah mengalir secara berterusan kepada guru-guru di negara ini. Ketokohan dan kegigihan Aminuddin Baki dalam memperjuangkan nasib pelajar-pelajar Melayu dari segi pelajaran dan meningkatkan martabat bangsa Melayu sendiri amat dikagumi. Beliau dilahirkan pada 26hb Januari 1926 di Kampung Batu Sembilan iaitu salah sebuah perkampungan Mandailing yang terdapat di Chemor, Perak. Beliau dikatakan berasal dari Sumatera, Indonesia yang berketurunan Mandailing (Mohamed Azli, 2001). Aminuddin Baki mempunyai tujuh orang adik-beradik iaitu Aminah, Sanusi, Habsha, Shaari, Halijah, Aminuddin dan Zahrian.

Aminuddin Baki mendapat pendidikan awal di bawah sistem persekolahan penjajahan yang dikenali sebagai sistem persekolahan vernakular Melayu. Setelah menerima pendidikan asas selama lima tahun (1932-1936) di Sekolah Melayu Chemor. Beliau juga dikatakan telah mendapat pendidikan awal dalam bidang agama dengan mengikuti kelas agama di sekolah agama pada sebelah petang dan malam dengan Ustaz Dahlan. Beliau meneruskan pelajarannya ke peringkat menengah dalam aliran Inggeris. Pada peringkat awal persekolahannya di Sekolah Anderson, Ipoh. Aminuddin didorong oleh semangat gigihnya untuk menimba ilmu. Beliau bertekad untuk membuktikan bahawa anak Melayu boleh berjaya dalam bidang pelajaran dan mendapat pendidikan yang tinggi. Aminuddin merupakan seorang anak Melayu yang kuat pegangan agama dan sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam setiap aspek kehidupannya. Beliau mempunyai keazaman yang

sangat kuat, jujur dan berprinsip dalam setiap perkara yang dilakukan. Selain itu, beliau adalah seorang pelajar yang pandai dalam bidang pelajaran dan rajin membaca pelbagai bahan bacaan.

Semenjak di sekolah Melayu, Aminuddin telah menunjukkan bakat yang baik dalam bidang pelajaran. Di sekolah menengah bakat tersebut semakin meningkat dan berkembang hasil dari ketekunan dan kerajinan membaca. Seorang rakan karibnya, Haji Zabidi bin Shamsuddin menceritakan :

Bakat Aminuddin telah nampak semenjak di sekolah. Beliau seorang yang pandai dan cekap dalam semua mata pelajaran hingga guru-guru sendiri pun segan kepadanya. Pemikirannya lebih matang dari umurnya. Semasa di Anderson School beliau sangat aktif – menjadi School Captain, House Captain dan bergiat cergas dalam Pengakap. Murid-murid sesekolah menganggap beliau sebagai 'leader'. Walaupun beliau tidak bagus dalam sukan tetapi semangat kesukanannya tinggi. Sekiranya tidak cukup pemain bagi sesuatu pasukan bola sepak, cricket, hoki dan lain-lain beliau tidak pernah keberatan untuk bermain. Bahkan pada suatu hari dalam usaha mementaskan drama, beliau sanggup memainkan peranan watak wanita kerana tiada orang yang sanggup.

Hal ini menunjukkan Aminuddin ialah seorang pelajar yang mempunyai sifat berani mencuba. Beliau sanggup melakukan sesuatu perkara yang tidak berani dilakukan oleh orang lain. Semangat ingin mencuba yang terdapat dalam Aminuddin patut dipelajari oleh kita dalam pendidikan pada masa kini demi berani mengejar pengetahuan baru. Aminuddin Baki pernah menulis dalam satu catatan yang bertajuk Perkara-perkara Agama yang menekankan kepentingan ilmu dalam agama Islam. Beliau disifatkan sebagai seorang yang amat mementingkan ilmu pengetahuan sejak dari usia kecil lagi. Kesungguhan Aminuddin ini menguatkan lagi keazamannya untuk berjuang meningkatkan kedudukan dan martabat anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran. Beliau senantiasa mengingatkan anak-anak Melayu supaya belajar bersungguh-sungguh agar dapat menikmati kehidupan yang senang di kemudian hari. Malahan beliau mengingatkan anak-anak Melayu dengan ungkapan:

Tiada miskin seorang pelajar kerana sedikit harta dan keluarga,
Tiada miskin seorang pelajar kerana sedikit ilmu dan amal.
Tiada kaya seorang hartawan kerana banyak harta dan keluarga,
Tetapi kaya seorang hartawan kerana banyak ilmu dan amal.

AMINUDDIN BAKI DAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS)

Penglibatan Aminuddin Baki di dalam pertubuhan pelajar telah bermula sejak zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu sehingga tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1945. Beliau mula memperlihatkan minat dan ketokohan terhadap kecenderungan untuk berpesatuan. Antara faktor pendorong utama Aminuddin begitu aktif dalam Persatuan Pelajar-pelajar Melayu ialah penghargaan beliau tentang tingginya nilai ilmu dalam membangunkan masyarakat. Pengalaman pahit maung yang dialami semasa zaman penjajahan menyedarkan beliau betapa perlunya pelajar-pelajar Melayu dibantu dari segi semangat cinta akan ilmu. Beliau sering berkata 'Sebenarnya tidak ada benda yang kita tidak boleh buat selagi kita berusaha.' Idea relevan ini menyedarkan kita tiada satu perkara yang tidak boleh dicapai oleh kita asalkan kita sendiri rajin dan tekun mengejar kejayaan, pasti dapat mencapai kejayaan pada suatu hari nanti. Idea yang dikemukakan oleh Aminuddin ini merupakan teladan yang amat baik bagi pendidikan pada masa kini.

Dengan pengetahuan, pengalaman dan kesedaran yang sedemikian Aminuddin Baki telah menubuhkan Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Insaf (PERMI) di Ipoh, dalam bulan April 1946. PERMI telah ditubuhkan atas kesedaran bahawa bangsa Melayu begitu mundur dan kemunduran itu mesti diatasi. Cara yang paling sesuai untuk mengatasi masalah ini ialah menerusi pendidikan. Bangsa Melayu hendaklah berusaha dengan gigh untuk mendapat pendidikan yang tinggi. Pelajar-pelajar Melayu dari berbagai aliran iaitu Melayu, Inggeris dan Arab/Ugama hendaklah digabungkan supaya mereka dapat bergerak dengan lebih berkesan.

Cogankata PERMI '*Belajar terus belajar*' merupakan asas dan maklumat PERMI. Seperti sabda Nabi antara lain bermaksud "*tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad*". Sabda Nabi ini juga menghendaki usaha yang kuat lagi berterusan. Hal ini memerlukan penukaran sikap, bukan sahaja untuk bertambah ujian tetapi juga dari segi konsep yang mesti menerima peri pentingnya pendidikan dan penggunaan masa dengan cara yang lebih berfaedah. Aminuddin percaya – ilmu asas kejayaan. Bagi seorang yang baru berumur 20 tahun, pemikiran sedemikian membuktikan kemampuan yang tinggi serta kebolehan yang sukar ditandingi.

Selepas penubuhan PERMI di Ipoh, Aminuddin telah pergi mengasaskan PERMI di bandar-bandar lain, seperti di Teluk Anson. Dalam bulan Ogos 1947, PERMI telah ditubuhkan oleh beliau di seluruh negeri Perak. PERMI telah bergiat dengan cergas terutama dalam bidang pendidikan. Pelajar-pelajar haruslah menggiatkan diri dalam persatuan kerana ia dapat memberi pengalaman kepada para pelajar untuk menjadi seorang pemimpin.

Kelas-kelas bimbingan telah diadakan dan kelas agama juga telah diwujudkan. Kegiatan sukan juga diadakan untuk merapatkan perhubungan. Bagi memupuk ciri-ciri kepimpinan beberapa kegiatan kemasyarakatan telah dilaksanakan, misalnya membersihkan tanah perkuburan. Kegiatan Aminuddin menggabungkan tenaga pelajar dalam memperkenalkan kelas-kelas bimbingan, kelas agama dan kegiatan sukan. Perkara ini seterusnya diamalkan oleh pendidikan masa kini di Malaysia dan GPMS menjadi platform meneruskan legasi kesinambungan program ini bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelektual dan sihat dari segi fizikal. Ianya bertujuan untuk menjadikan pelajar itu cemerlang, bukan sahaja perlu rajin mengulangkaji pelajaran tetapi juga mestilah sihat dari fizikal.

Kelas bimbingan masih lagi diadakan oleh sebahagian besar sekolah menengah mahupun sekolah rendah terutamanya pada masa sebelum menghadapi peperiksaan umum di Malaysia seperti peperiksaan PMR, SPM, STPM dan sebagainya. GPMS juga telah mengadakan beberapa siri kelas bimbingan percuma khususnya kepada pelajar luar bandar yang tidak berkemampuan. Kelas agama pada masa kini telah berkembang menjadi pelajaran agama yang wajib dipelajari oleh setiap muslim dan pendidikan Moral bagi pelajar bukan muslim. Kegiatan sukan pula juga dikekalkan pada masa kini iaitu kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang selaras diamalkan di seluruh sekolah Malaysia.

Sebagai seorang yang menjiwai perjuangan memajukan dan menegakkan maruah bangsa dan sebagai yang meyakini sepenuhnya bahawa ilmu itu adalah tunjang kemajuan sesuatu bangsa, Aminuddin tidak dapat memisahkan perjuangan dan hakikat ini. Beliau terus bergerak menyebarkan wadah perjuangan menyedar dan memajukan anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran mereka. Aminuddin adalah setiausaha untuk mengatur dan menyelaraskan kegiatan menggabungkan pertubuhan-pertubuhan pelajar Melayu. Beliau berjaya mengemukakan beberapa orang pemimpin pelajar yang mewakili pelbagai pertubuhan pada 14 dan 15 Ogos, 1948. Pertemuan tersebut telah dipengerusikan oleh Aminuddin sendiri. Hasil dari pertemuan inilah lahirnya Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung yang lebih dikenali singkatannya GPMS.

Penubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang bertujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar Melayu dari segenap lapisan memberi makna yang begitu besar dalam memartabatkan bangsa Melayu. GPMS dengan Mukaddimah yang berbunyi;

Kami pelajar-pelajar Melayu Semenanjung yang dijemput oleh Jawatankuasa Sementara GPMS untuk menghadiri persidangan Penubuhan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung di Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Ogos 1948.

Sedar, atas perlunya disatukan tenaga sekalian pelajar-pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

Sedar, akan kemunduran kami di alam pengetahuan.

Sedar, atas kewajipan kami untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa.

Sedar, bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu di tangan kami.

Berpendapat bahawa gabungan pelajar-pelajar Melayu Semenanjung wajiblah didirikan dengan tujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan pelajar-pelajar Melayu dari segenap lapisan.

Beliau telah dilantik mengetuai dan memimpin GPMS bagi tahun pertama dan beberapa tahun berikutnya, sehinggalah beliau meninggalkan tanahair kerana melanjutkan pelajarannya ke seberang laut. Sewaktu beliau menjadi Presiden GPMS yang pertama, beliau masih menjadi mahasiswa di Universiti Malaya, Singapura, kemudian melanjutkan pula pelajarannya dengan mendapat hadiah Queen Scholar, di London. Sekembalinya ke tanah air, beliau menceburkan semula dirinya di lapangan pelajaran. Beliau dilantik menjadi guru di sekolah yang terbesar di Perak, di negeri bijih timah tumpah darahnya. Aminuddin Baki semasa hayatnya amat gemar menyebut kalimat-kalimat, "Ayam dikepok mati kelaparan, Itik di air mati kehausan" dan "Alah sabung menang sorak, ayamnya menang kampung tergedai".

Tujuan GPMS ialah menyatukan pelajar-pelajar Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan menyedarkan mereka tentang kemunduran orang Melayu khususnya di bidang pelajaran. Satu lagi perkara yang menginsafkan pelajar-pelajar bahawa peningkatan orang Melayu dalam bidang pelajaran adalah tanggungjawab mereka dan mereka kewajipan untuk memajukan bangsa Melayu. Lambang GPMS dimantapkan dalam satu ayat:

Dengan hati yang suci murni, kami pelajar-pelajar Melayu Semenanjung Tanah Melayu, bersatu, berdasarkan keislaman dan Kebangsaan, berjuang dengan berani kerana benar, untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa sebagai syarat mencapai kemajuan dan kemuliaan bangsa Melayu. (Zainal Abidin, 1988, 29)

Beberapa ciri lambang GPMS mempunyai titik pertemuan dengan lambang PERMI yang digubal oleh Aminuddin. Tekanan kepada unsur-unsur Islam itu juga membayangkan pemikirannya. Selain dari itu, pengaruh Aminuddin dapat dilihat dari cara persidangan itu dijalankan. Contohnya persidangan ditangguhkan apabila sampai waktu sembahyang. Di akhir persidangan Aminuddin sendiri telah membaca doa. Sungguhpun pada masa sekarang perkara-perkara seperti ini biasa dilakukan tetapi di tahun 1950an, ia masih dianggap luar biasa. Perkara-perkara ini bukan sahaja menunjukkan pengetahuan dan amalan Aminuddin tentang ajaran Islam tetapi juga kedudukan beliau yang terkehadapan dari zamannya. Aminuddin merupakan seorang manusia yang seimbang, belajar dalam aliran Inggeris tetapi teguh dari segi agama. Beliau mengamalkan pegangannya, 'Agama dijunjung, tamadun dipimpin'. Hal ini bermakna kepentingan agama Islam tidak boleh dipisahkan dengan menghasilkan satu masyarakat yang rohani, aman dan maju pada hari ini.

Penubuhan GPMS mendapat sambutan hangat bukan sahaja dalam kalangan generasi muda malahan disokong penuh oleh generasi tua, media massa, dan bangsa lain. Reaksi golongan masyarakat ini dapat dilihat dari beberapa ucapan. Pada Aminuddin dan teman-teman seperjuangannya, pelajaran merupakan saluran yang sebaik-baiknya untuk menyerapkan perasaan dan cita-cita kebangsaan. Melalui GPMS beliau mengeluarkan amanat-amanat dan meniupkan semangat orang-orang Melayu supaya memberikan perhatian yang lebih besar terhadap pendidikan. Aminuddin berpandangan bahawa pendidikan memainkan peranan yang sangat mustahak dalam usaha menyatupadukan malahan membentuk satu bangsa Tanah Melayu.

KETEGASAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM

Aminuddin Baki kuat berpegang kepada falsafah "agama dijunjung, tamadun dipimpin" dalam memajukan orang Melayu dalam pendidikan. Beliau membina semangat dan kekuatan berdasarkan kepada asas agama Islam. Pengetahuannya tentang agama Islam begitu terserlah, malah tulisan jawinya begitu cantik. Beliau juga

mahir dalam menghafal dan menulis surah dan hadis dalam bahasa Arab. Bagi beliau, agama yang dapat membimbing manusia ke jalan yang sejahtera di dunia sambil memenuhi keperluan akhirat.

Sewaktu bertugas di MPSI, beliau telah cuba menerapkan pemahaman dan penghayatan Islam yang lebih mendalam dihati dan jiwa penuntut-penuntut MPSI. Sebagai seorang Islam, beliau merasakan bahawa adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memupuk dan memperkuat semangat tersebut. Kekuatan semangat dan penghayatan nilai-nilai ke-Islaman yang padu sahajalah yang dapat dijadikan senjata untuk menentang anasir-anasir yang bersifat anti-Islam. Sehingga ke hari ini setiap program yang dilaksanakan GPMS juga mempunyai matlamat yang sama dengan menerapkan nilai-nilai Islam sebagai asas dan panduan kepada remaja dan beliau Melayu di Malaysia. Penerapan nilai-nilai Islam ini dilakukan secara langsung mahupun tidak langsung seperti mengadakan program berbentuk ceramah agama, sukan dan rekreasi berbentuk permainan sunnah seperti memanah dan berenang dan sebagainya.

Sebagai seorang pendidik, beliau telah menggunakan segala kepakarannya didalam bidang psikologi untuk menyemaikan semangat dan harapan itu dengan cara yang paling berkesan. Salah satu daripada langkah tersebut ialah memperkenalkan mata pelajaran baru iaitu Sejarah Islam kepada penuntut-penuntut MPSI. Beliau menyedari bahawa sejarah merupakan cermin penghidupan yang baik untuk membolehkan sesuatu bangsa itu mengatur ketamadunnya sendiri. Peristiwa sejarah dapat dijadikan renungan dan pengajaran. Sejarah tidak berbohong kerana ia adalah peristiwa masa lalu dan kebenaran hakiki yang tidak dapat ditolak oleh peradaban manusia.

Aminuddin Baki ingin memperluaskan lagi pengetahuan tersebut dan menguatkan penghayatan Islam dalam kalangan beberapa "golongan" penuntut yang "gelisah" di kala itu. Beliau ingin menggunakan satu pendekatan baru dalam usaha menghayati Islam ini kerana kaedah pengajaran lama dirasakan kurang sesuai untuk mengubati penyakit jiwa yang telah melanda golongan pelajar "gelisah" yang dinyatakan tadi.

Idea Aminuddin berkaitan penerapan nilai-nilai Islam dalam pendidikan tanah air memang amat bersesuaian dengan keadaan pada hari ini. Ramai pelajar pada hari ini masih gelisah dan perlukan santapan rohani bagi membina kehidupan mereka dan mengimbangi dengan kehidupan akhirat. Hal ini adalah kerana pelajaran yang bercorak agama dan kerohanian tidaklah diajar sepenuhnya kerana pelajar menumpukan kepada program yang mereka ambil yang berbentuk sekular khususnya di IPT. Di peringkat sekolah rendah dan menengah kaedah ini boleh digunakan seperti mewujudkan mata pelajaran agama atau Pendidikan Islam seperti yang wujud sekarang ini. Di peringkat IPT pula kementerian seperti yang ada sekarang ini telah mewajibkan kepada semua pelajar untuk mengambil mata pelajaran Tamadun Islam. Mata pelajaran tersebut merupakan lanjutan daripada idea awal beliau kepada kertas Sejarah Islam.

Sungguhpun mata pelajaran tersebut masih wujud pada hari ini, namun ia hendaklah dipertingkatkan lagi usaha yang bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat usaha murni tersebut. Semua ini dapat dilakukan dalam usaha pengembelangan tenaga dari semua pihak dan pihak yang mengajar hendaklah cuba membawa pemikiran penuntut soal ketuhanan dan falsafah Islam. Hal ini kerana seorang pendidik yang berjaya menurut Mohd Tajjuddin, "ialah seorang pendidik yang berkeupayaan untuk membuka pemikiran dan cara berfikir penuntut-penuntut. Jika ilmu yang diberi diterima tanpa sebarang keupayaan untuk berbicara dan digunakan, maka isi pengajaran tersebut adalah beku dan kosong!" (1987, 27). Disamping itu, beliau juga menyingkap aspek-aspek sejarah dan ketokohan dan ketamadunan umat Islam.

Selain itu, beliau cuba menarik perhatian penuntut dengan kaedah menimba ilmu. Pada beliau, buku adalah sumber ataupun gedung ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan akan dapat diasah serta diperluaskan dengan memperbanyakkan pembacaan. Jika ditinjau kepada senario atau budaya pendidikan pelajar pada hari ini, masih ada segelintir pelajar yang kurang berminat membaca dan menganggap membaca itu membebankan, fobia dan membosankan. Oleh itu, kesedaran hendaklah ditimbulkan dalam kalangan jiwa para pelajar bahawa pengetahuan yang luas akan diperolehi melalui pembacaan dan penyelidikan yang banyak, mendalami dan meneiliti.

Beliau juga menyarankan kepada pendidik agar mencadangkan kepada para pelajar tentang buku harus dibaca dan dimilik. Jika usaha ini dilakukan secara berterusan, pelajar tidak lagi menganggap buku sebagai suatu ketakutan yang berkait rapat dengan peperiksaan, tetapi buku akan menjadi teman yang rapat dalam kehidupan. Mereka akan membaca dengan sebanyak-banyaknya untuk menimba pengetahuan dan melenyapkan keketatan pemikiran yang dibelenggu oleh kekolotan sikap serta masyarakat sekeliling.

Awal 50-an memperlihatkan pergerakan nasionalisme semakin memuncak. Dari segi pendidikan, orang Melayu memendam rasa kecewa yang amat mendukacitakan apabila Laporan Barnes yang berlandaskan cadangan-cadangan Jawatankuasa Mengenai Pelajaran Orang-orang Melayu 1951 ditentang dengan hebatnya oleh kaum Cina dan India. Hal ini menyebabkan kerajaan Inggeris membentuk satu Jawatankuasa lain mengenai pelajaran Cina iaitu Jawatankuasa Fenn-wu 1951. Kaum India pula menubuhkan Jawatankuasa mereka sendiri untuk mengaji masalah pelajaran Tamil.

Orang-orang Melayu juga semakin dihangatkan oleh pergerakan politik nasional yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Pada waktu itulah, September 1953, Aminuddin yang memang sudah terkenal dengan semangat kebangsaannya, telah ditugaskan menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (SITC). Pengalaman Aminuddin semasa menjadi pemimpin GPMS ternyata berfaedah dan menimbulkan kesan terhadap kegiatan penuntut-penuntut SITC yang dahagakan ilmu bukan sahaja di bidang akademik dan ikhtisas tetapi juga ilmu mentadbir dan mengurus persatuan. Kesan daripada kepimpinan beliau ialah menghasilkan penubuhan sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Penuntut-penuntut Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1956 yang memberi sumbangan yang amat berkesan terhadap kemudahan-kemudahan belajar kepada penuntut-penuntut.

Semangat dan perjuangan yang ditinggalkan oleh Persatuan ini telah meresap dengan cepat dan diwarisi oleh penuntut-penuntut kemudiannya. Pada tahun 1956, Persatuan Guru-guru Melayu semenanjung menuntut diadakan pelajaran menengah Melayu, dan menginsafi akan kekurangan pelajaran yang mereka terima, penuntut-penuntut SITC mulai gelisah. Perasaan memberontak dengan menentang sesetengah pensyarah dilahirkan. Ketika perasan memberontak ini sedang bergelora, muncul pula risalah "Sinar Hidup" yang menyebarkan ajaran Kristian dan menjanjikan segala keistimewaan hidup.

Dalam saat-saat kegelisahan rohani yang mencabar keimanan anak-anak bangsa inilah Aminuddin bertindak dengan cepat, cekap dan bijaksana dengan memperkenalkan suatu kursus baru, Sejarah Islam secara sukarela. Beliau telah dapat mengubah suasana Maktab dan mengendurkan ketegangan dan kegelisahan jiwa penuntut-penuntut hingga mereka bertukar semula ke haluan yang direndah Allah. Sepanjang Aminuddin bertugas di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim itu bolehlah dianggap sebagai pancaran dari semangat cecalnya untuk membantu anak bangsanya di lapangan pendidikan.

GAGASAN AMINUDDIN BAKI DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu sebagai bahasa negara dapat ditafsirkan daripada 152 di dalam Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Sebagai bahasa rasmi peranan Bahasa Melayu sangat jelas, iaitu segala urusan pentadbiran negara mesti menggunakan Bahasa Melayu. Konsep bahasa kebangsaan pula memerlukan pentafsiran erti kebangsaan dalam konteks pemakaian bahasa. Bahasa kebangsaan itu merujuk kepada satu bahasa yang berperanan sebagai unsur yang menyatukan rakyat dan menimbulkan semangat kebangsaan kepada negara. Bahasa tersebut sewajarnya digunakan oleh rakyat dalam semua bidang kehidupan mereka setiap hari. Bahasa Kebangsaan merupakan unsur yang mengikat seluruh penduduk didalam satu kesatuan. Oleh itu, rakyat sepatutnya mempunyai semangat cinta akan bahasa kebangsaan.

Dalam memartabatkan Bahasa Melayu, Aminuddin Baki sering menggunakan kata-kata keramat Melayu seperti bidalan Melayu, perumpamaan Melayu, pepatah Melayu, peribahasa Melayu dan sebagainya. Perjuangan beliau dalam memartabatkan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kebangsaan telah lama menjadi

agendanya. Apabila beliau menganggotai Jawatankuasa Laporan Razak 1956, Aminuddin membangkitkan usul menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah.

Penyata Razak, 1956 mengemukakan sejumlah 17 cadangan dengan mengambil kira matlamat akhirnya iaitu membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan bagi semua dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Dalam Jawatankuasa Laporan Razak 1956, kita dapat mengimbas kembali saranan Barnes (1950) dan saranan-saranan Aminuddin Baki dalam "The National School of Malaya 1953" ternyata bahawa Aminuddin Baki adalah *Pengasas* yang menggubal Penyata Razak 1956 selaku seorang ahli dalam jawatankuasa itu.

Satu perkara penting yang berulang kali ditegaskan oleh Penyata Razak adalah berkaitan dengan martabat bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah. Sejalan dengan itu, beberapa usaha telah diambil termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Maktab Perguruan Bahasa telah ditugaskan untuk menulis buku teks dalam Bahasa Melayu bagi mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks dalam Bahasa Melayu serta mengkaji cara mengajar bahasa itu kepada semua penduduk bukan Melayu.

Persoalan tentang pengiktirafan Bahasa Melayu dan kedudukannya sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah sememangnya telah lama menjadi sasaran utama perjuangan Aminuddin Baki. Beliau telah dilantik sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan merupakan orang yang sangat berdamping rapat dengan Pengarah terulung Dewan Bahasa dan Pustaka, yang juga seorang nasionalis, iaitu Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail. Menurut Tuan Haji Zabudi Shamsudin, "Aminuddin Baki sering berada ketika Tuan Syed Nasir memberi ceramah dan pidato".

Matlamat utama dalam pelaksanaan polisi pendidikan negara ialah untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat sekolah. Tindakan-tindakan yang telah diambil seperti mewajibkan murid-murid lulus Bahasa Kebangsaan dalam peperiksaan awam, menganjurkan peperiksaan awam dengan menggunakan bahasa rasmi sahaja. Perjuangan beliau dalam mendaulatkan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu dihargai. Tanpa perjuangan yang dilakukan oleh beliau tidak mungkin bahasa Melayu dapat berkembang dan dipertahankan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah sehingga ke hari ini.

KESIMPULAN

Isu pendidikan hari ini merupakan satu isu nasional yang menjadi keutamaan kepada kerajaan untuk diperbaiki daripada semasa ke semasa. Justeru, penubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang merupakan satu badan NGO berteraskan pendidikan yang tertua di negara ini menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama membantu membela pendidikan anak bangsa ini meneruskan gagasan pendidikan Aminuddin Baki. Bahkan, obor perjuangan membela pendidikan ini sudah bermula sejak tahun 1948 itu lagi.

Aminuddin Baki semasa hayatnya sarat dengan idea-idea dan sentiasa kental dalam memperjuangkan nasib anak bangsa terutama dalam pendidikan. Beliau sangat yakin akan peranan penting pendidikan dalam pembentukan rohani dan jasmani individu dalam membangunkan masyarakat dan negara dalam meneruskan sambil mempertingkatkan tamadun bangsa. Tindakan beliau juga telah mewujudkan semangat kekitaan di Tanah Melayu mahupun pada masa kini. Dalam satu ucapannya sebagai Penasihat Pelajaran, beliau mengingatkan:

"Pelajaran dan pendidikan sebagai satu usaha yang mulia iaitu mendidik dan memimpin kanak-kanak untuk menjadi anggota masyarakat yang berguna dan juga sebagai cara menyampaikan segala pusaka ibunda daripada satu keturunan kepada satu keturunan."

Adalah penting untuk kita memberi pelajaran yang sempurna kepada pemuda-pemuda kita dan cuba memberi pemuda-pemuda itu peluang memupuk kebolehan dan bakat masing-masing dan dengan cara kebolehan yang ada pada pemuda-pemuda itu, maka ini akan menjadi modal kekayaan pembangunan bangsa-bangsa. Negara kita sebagai negara-negara lain tidak dapat menikmati tamadun moden, kalau sekiranya kita tidak berjaya mengadakan susunan pelajaran yang baik dan teratur. Justeru, GPMS memainkan peranan yang penting dalam meneruskan perjuangan Aminuddin Baki dalam meningkatkan pendidikan anak-anak Melayu ke satu tahap yang boleh dibanggakan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman. 1993. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Arkib negara. 2012. *Aminuddin baki tokoh pendidikan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Hamdan Sheikh Tahir. 1987. *Aminuddin Baki Dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Siri Pidato Umum Aminuddin Baki. Yayasan Aminuddin Baki Fakulti Pendidikan U.M. Kementerian Pendidikan Malaysia:U.M.
- Ibrahim Mahmood. 1981. *Sejarah perjuangan bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. 1987. *Aminuddin Baki: Tokoh Pendidikan*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Mustaffa Kamil Ayub. 1991. *Gerakan pelajar-Mahasiswa, Misi dan Visi*. Selangor: Budaaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Rozeman Abu Hassan. 2008. *Biografi Aminuddin Baki: Arkitek Pendidikan Negara*. Bangi: U.K.M.
- Zainal Abidin Abdul Hamid. 1988. *Aminuddin Baki dan Perjuangannya Dalam meningkatkan Pendidikan Anak-anak Melayu*. Siri Pidato Umum Aminuddin Baki. Fakulti U.K.M. Kementerian Pendidikan Malaysia, Bangi: U.K.M.